

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengklasifikasikan semula dengan melucutkan status rahsia Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet berkaitan Penjanjian Malaysia 1963 dan status perbincangan 4 lagi perkara tertunggak dari 21 isu yang dibawa oleh Kerajaan Sabah memandangkan rakyat Sabah dan Sarawak berhak untuk mengetahuinya.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNTY
ONGKILI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, buat masa ini, Kerajaan kekal dengan pendirian bahawa tiada keperluan untuk membuat penarafan semula berhubung kerahsiaan Laporan Jawatankuasa Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKKMA63). Ini kerana laporan JKKKMA63 sebelum ini merupakan persetujuan dasar yang masih memerlukan tindakan sebelum dapat dilaksanakan. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan wajar diberikan ruang untuk meneruskan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak berhubung pelaksanaan perkara-perkara yang berkaitan. Sebarang kemajuan yang dicapai akan diumumkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

2. Berhubung dengan **empat [4] perkara yang berkaitan minyak dan gas** iaitu (1) Royalti Minyak dan Pembayaran Tunai Petroleum; (2) Mineral Minyak dan Medan Minyak; (3) Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] dan (4) Hak Negeri ke atas Pelantar Benua, kesemua perbincangan berkaitan perkara-perkara tersebut adalah ditangguhkan buat sementara waktu bagi memberi laluan kepada **penyelesaian secara komersial** yang sedang dibincangkan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sabah dan Petronas secara berasingan.